

17 NOV 1999

Ladang-Pakej

KAJIAN MENGENAI PEKERJA LADANG SIAP

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Pekerja ladang akan menikmati taraf kehidupan yang lebih baik termasuk gaji bulanan jika kerajaan yang bakal ditubuh selepas pilihan raya umum ke-10 ini menerima pakej cadangan MIC.

Pakej itu yang terkandung dalam satu kajian bertajuk "Pekerja Ladang ke Alaf Baru" antara lain mencadangkan langkah segera mesti diatur untuk menetapkan gaji bulanan pekerja ladang di antara RM900 dan RM1,000 sementara menunggu penstrukturan gaji yang baru.

Menurut kajian itu, angka itu adalah berdasarkan nilai pasaran getah semasa dan perjanjian Persatuan Pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW) yang antara lain menetapkan supaya pengurusan ladang dikehendaki mencapai tahap produktiviti sehingga 1,500kg/hektar setahun.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu dijangka menyerahkan kajian setebal 75 mukasurat itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Perusahaan Utama dan Menteri Sumber Manusia.

MIC juga mencadangkan supaya pekerja ladang dilihat sebagai kumpulan sasaran utama dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan Rangka Rancangan Perspektif Ketiga (OPP3).

Antara bidang rujukan yang perlu diberi perhatian serius ialah:

- Skim bekalan elektrik dan bekalan air paip kepada kesemua isirumah di bawah naungan MAPA dan bukan MAPA,
- Keutamaan pemilikan rumah kos rendah harus ditinjau dengan sejumlah pecahan tertentu diperuntukkan untuk pekerja ladang,
- Membaikpulih infrastruktur dan bangunan sekolah dengan kelengkapan terkini umpamanya komputer dengan sistem rangkaian merangkumi semua sekolah,
- Kemudahan perubatan dipertingkatkan. Selaras dengan ini, kerajaan harus merangka dan melaksanakan skim insurans, dan
- Meningkatkan kemahiran pekerja yang tersisih (tidak lagi bekerja) agar golongan ini dapat menceburkan diri dalam bidang lain.

MIC juga mencadangkan supaya kerajaan membentuk kumpulan kerja di luar naungan MAPA dan NUPW untuk mengkaji secara mendalam sistem gaji sekarang di samping bertanggungjawab merumuskan struktur baru yang lebih menarik dan setanding dengan sektor lain.

Menurut MIC, kumpulan kerja itu juga harus menimbang isu gaji bulanan secara serius malah menjadikan isu ini sebagai isu rujukan dalam merangka dan merumuskan struktur baru.

"Struktur baru yang dirangka harus mengambilkira elemen-elemen lain yang tidak kurang pentingnya seperti faktor teknologi penorehan baru," menurut kajian itu.

Ia mencadangkan supaya kumpulan kerja itu dianggotai cendekiawan daripada pelbagai bidang termasuk ekonomi, undang-undang dan teknikal.

-- BERNAMA

ES AKD